

# Senja

*Shaheda Salim*



# Panduan Pengajaran dan Pembelajaran

## Senja

Shaheda Salim

### PENGENALAN

Berikut merupakan saranan aktiviti pembelajaran untuk mencapai objektif pelajaran yang dirancang. Dalam aktiviti yang disarankan, pelajar terlibat dalam proses pemikiran yang kritis untuk meneliti dan memperdalam pemahaman mereka mengenai cerpen 'Senja'. Dalam aktiviti yang disarankan juga, pelajar berpeluang untuk berbincang dan menyampaikan pandangan serta pemikiran mereka. Proses pembelajaran secara bertahap dan merangkumi kesemua aspek kemahiran bahasa.

<b>OBJEKTIF PELAJARAN</b>	<p>Pada akhir pelajaran, pelajar dapat:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• membuat ramalan tentang jalan cerita cerpen melalui penelitian terhadap tajuk cerpen 'Senja' dan memahami cerpen melalui strategi 3SM (Sebelum-Semasa-Selepas Membaca) (Kemahiran membaca dan bertutur);</li><li>• berbincang tentang watak dan perwatakan dalam cerpen melalui teknik kerusi panas (Kemahiran bertutur – Interaksi lisan);</li><li>• menuliskan sebuah e-mel kepada watak di dalam cerpen (Kemahiran menulis – Interaksi penulisan); dan</li><li>• memberikan pendapat tentang isu-isu masyarakat yang terdapat dalam cerpen (Kemahiran mendengar, membaca, menulis &amp; bertutur).</li></ul>
---------------------------	---

## **LANGKAH-LANGKAH**

### Langkah 1: Meramal dan memahami cerpen (Kemahiran Membaca)

- Guru membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan kecil yang terdiri daripada 4-5 pelajar bagi setiap kumpulan.
- Guru mengedarkan templat 3SM (rujuk Lampiran 1) kepada setiap kumpulan.
- Guru meminta murid untuk menjawab tiga soalan ramalan: Sebelum Membaca mengenai cerpen 'Senja'.
- Guru mendapatkan respons secara verbal berdasarkan catatan mereka mengenai tiga soalan ramalan (Sebelum Membaca) yang telah dibincangkan secara berkumpulan.
- Guru juga meminta pelajar membaca dahulu tiga soalan: Semasa Membaca dan memikirkan jawapannya.
- Guru meminta pelajar membaca cerpen 'Senja' sehingga pertengahan cerita.
- Guru meminta pelajar berbincang secara berkumpulan tentang tiga soalan: Semasa Membaca dan catatkan perbincangan mereka.
- Pelajar meneruskan bacaan cerpen 'Senja' dan melengkapkan templat 3SM.
- Guru mendapatkan pelajar untuk menyelesaikan tiga soalan perbincangan sebagai aktiviti lanjutan di rumah.

### Langkah 2: Menemuramah watak utama (Kemahiran Bertutur – Interaksi Lisan)

- Guru membahagikan kelas kepada beberapa kumpulan kecil (Pak Kassan, isteri Pak Kassan, Hazril, Suzi dan rakan-rakan Pak Kassan).
- Guru mengedarkan kertas lembaran (rujuk Lampiran 2) agar pelajar dapat menganalisis watak dan perwatakan yang diberikan berdasarkan cerpen.
- Setiap ahli kumpulan perlu memahami watak dan perwatakan masing-masing untuk ditonjolkan sewaktu sesi kerusi panas.
- Guru mendapatkan seorang pelajar daripada setiap kumpulan untuk memainkan watak mereka masing-masing.
- Bagi setiap sesi kerusi panas, wakil pelajar perlu menjawab soalan-soalan yang diberikan oleh kumpulan lain.
- Kumpulan lain boleh menanyakan soalan tentang perasaan ataupun pengakuan terhadap kisah mereka dalam cerpen tersebut.
- Sekiranya wakil pelajar tidak mampu menjawab soalan tersebut, ahli kumpulan yang lain boleh membantu.
- Guru merumuskan watak dan perwatakan dalam cerpen 'Senja'.

### Langkah 3: Menulis e-mel kepada watak (Kemahiran Menulis – Interaksi Penulisan)

- Guru mengedarkan kertas lembaran (rujuk Lampiran 3) kepada setiap pelajar.

- Pelajar akan menuliskan sebuah e-mel kepada salah seorang watak dalam cerpen 'Senja'.
- Guru mendapatkan beberapa pelajar untuk berkongsi penulisan mereka.
- Guru merumuskan dan memberikan komen tentang hasil kerja pelajar.

Langkah 4: Memberikan pandangan dan pendapat mengenai isu yang dikemukakan (Semua kemahiran)

- Guru memberikan beberapa tajuk yang boleh dibahaskan di dalam bilik darjah. Seperti contoh: 'Usaha pemerintah untuk menjaga kebajikan warga emas lebih daripada mencukupi'
- Guru meminta murid untuk membuat kajian berdasarkan mauduk yang telah diberikan.
- Guru boleh menjadi pengadil bagi sesi bahas di dalam bilik darjah.
- Pelajar perlu memberikan hujahan masing-masing dan membidas pihak lawan.
- Guru boleh mendapatkan pelajar yang bertindak sebagai audiens untuk memberikan komen mereka tentang perbahasan rakan-rakan mereka.
- Guru boleh meminta audiens untuk mengundi pembahas terbaik.
- Guru boleh merumuskan prestasi kedua-dua kumpulan.

.....

**Lampiran 1: Strategi 3SM (Sebelum-Semasa-Selepas Membaca)**

<b>Kad Soalan (Sebelum Membaca)</b>	<b>Kad Soalan (Semasa Membaca)</b>	<b>Kad Soalan (Selepas Membaca)</b>
1. Apakah yang dimaksudkan dengan 'senja'?	1. Cerita ini tentang apa?	1. Adakah masalah atau persoalan dalam cerita ini selesai?
2. Apakah cerita di sebalik tajuk cerpen?	2. Apakah persoalan utama di dalam cerita ini?	2. Adakah kamu bersimpati kepada watak-watak tertentu dalam cerita ini? Jelaskan.
3. Daripada tajuknya, saya meramalkan bahawa cerpen ini mengisahkan tentang...	3. Pernahkah kamu terdengar atau terbaca cerita yang hampir sama seperti ini?	3. Nyatakan satu pengajaran daripada cerita ini.

Sebelum Membaca	Semasa Membaca	Selepas Membaca
1.	1.	1.
2.	2.	2.
3.	3.	3.

**Lampiran 2: Watak dan Perwatakan**

Nama Watak	Perwatakan	Bukti daripada teks

### Lampiran 3: Templat e-mel

**Arahan:** Bayangkan kamu salah seorang rakan Pak Kassan. Tuliskan sebuah e-mel kepada persatuan kebajikan masyarakat untuk mendapatkan bantuan bagi Pak Kassan dan isteri.

<b>Kepada:</b>
<b>Daripada:</b>
<b>Subjek:</b>

#### SOALAN PERBINCANGAN

1. Mengapakah Pak Kassan berasa lega pada awal cerpen ini?
2. Bagaimanakah pihak pemerintah telah membantu warga emas di Singapura?
3. Nyatakan sifat isteri Pak Kassan dan berikan bukti-bukti bagi menyokong jawapan kamu.

#### SOALAN JENIS SASTERA

1. Persoalan hidup yang dipaparkan dalam cerpen 'Senja' merupakan satu cerminan yang berlaku dalam masyarakat. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan ini?
2. Konflik yang berlaku antara Pak Kassan dengan Hazril merupakan satu pertentangan budaya dan pemikiran antara golongan tua dan golongan muda. Jelaskan sejauh manakah persoalan ini relevan dalam kehidupan bermasyarakat.

## **EHWAL SEMASA**

Mulai 2020, jumlah warga yang bekerja akan berkurangan, kerana bilangan rakyat Singapura yang lebih tua yang akan bersara melebihi bilangan warga muda yang baru mula bekerja. Penduduk warga Singapura akan menua dengan pesatnya. Bincangkan cabaran dan implikasi perkara ini terhadap kehidupan kita di Singapura pada masa hadapan.